

05/06/2000

Tsu Koon: Semangat kesukanan tinggi

SUKAN Malaysia (Sukma) VIII yang berakhir kelmarin berlangsung dengan semangat kesukanan yang tinggi, kata Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Walaupun berlaku beberapa insiden tidak diingini, keseluruhannya pertandingan berlangsung dengan semangat kesukanan yang begitu menyerlah," katanya di upacara penutup di Stadium Negeri Batu Kawan, malam kelmarin.

Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Koh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukma VIII turut memohon maaf kepada semua pihak yang terbabit jika berlaku sebarang kejadian kurang menyenangkan atau persiapan kurang memuaskan sepanjang temasya itu.

"Kerajaan negeri terhutang budi kepada semua pihak yang menyumbang untuk membantu menjayakan temasya ini," katanya.

Mengenai kedudukan kontingen tuan rumah, Pulau Pinang, di tangga keempat, Ketua Menteri berpuas hati kerana pencapaian itu lebih baik berbanding dua tahun lalu.

"Kali ini kita mendapat 34 pingat emas berbanding hanya 12 dua tahun lalu. Walaupun tidak melepasi sasaran 38 pingat dan gagal menduduki tangga ketiga, ia adalah pencapaian terbaik negeri ini dalam sejarah Sukma," katanya.

Dalam majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah Piala Perdana Menteri kepada kontingen Selangor yang meraih 53 pingat emas untuk muncul juara buat kali ketiga berturut-turut.

Sementara itu, seorang juruteknik memenangi hadiah utama cabutan bertuah sempena upacara penutup Sukma VIII.

Mohd Hisham Abu Bakar, 25, nyata masih gugup apabila menjawab soalan wartawan selepas diumumkan memenangi sebuah pangsapuri berharga RM50,000 di Bandar Baru Farlim, Air Itam, dekat Georgetown.

Dia yang masih bujang dan bekerja di Kawasan Perindustrian Prai, kini tinggal bersama keluarganya yang berasal dari Alor Merah, Sungai Dua dekat Butterworth.

"Saya benar-benar terkejut apabila mendengar nombor tiket saya, 48559, diumumkan sebagai pemenang hadiah utama dan saya hanya pasti apabila nombor yang sama tertera pada papan elektronik stadium," katanya.

Jurulatih pasukan skuasy Pulau Pinang, Allan Soyza, 24, pula bertuah kerana memenangi sebuah kereta Perodua Kancil selaku pemenang kedua cabutan bertuah itu.

Tempat ketiga dimenangi seorang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Mohd Hafiz Mohd Noor, 18, dari Bagan Dalam, Butterworth, yang memperolehi sebuah motosikal Honda EX5.

Hadiah set perabot pula dimenangi Ahmad Basirun, 37, dari Sungai Nibong, Georgetown.

(END)